

## **Isa membentak roh durjana**

**Petikan dari Kitab Injil: [Markus 1:21-28](#).**

<sup>21</sup>Isa dan pengikut-pengikut-Nya tiba di Kapernaum. Pada hari Sabat berikutnya, Isa masuk ke saumaah lalu mengajar. <sup>22</sup>Semua yang mendengar-Nya kagum kerana Dia mengajar dengan penuh kewibawaan, berbeza dari guru-guru Taurat. <sup>23</sup>Ketika itu seorang yang dirasuk roh durjana berada di saumaah. Dia berseru: <sup>24</sup>'Apa yang hendak Kaubuat kepada kami, hai Isa orang Nasaret? Adakah Engkau hendak membinasakan kami? Aku tahu siapa Engkau. Engkau Yang Suci daripada Allah!'

<sup>25</sup>Isa membentak roh itu, 'Diam! Keluar daripada orang ini!' <sup>26</sup>Roh durjana itu menggoncang-goncang tubuh orang yang dirasuknya lalu keluar sambil menjerit.

<sup>27</sup>Hal ini menyebabkan semua orang tercengang lalu berbisik sesama sendiri, 'Adakah ini suatu ajaran baru? Dia memerintah roh-roh durjana dengan penuh kuasa dan mereka menurut kata-Nya.' <sup>28</sup>Dengan demikian, khabar tentang Isa segera tersebar ke seluruh Galilea.